

## ENDORSMEN EV 365 CARE (BUKAN TARIF)

Sebagai balasan terhadap premium tambahan yang **Anda** telah bayar kepada **Kami** bagi **Endorsmen** ini, manfaat-manfaat berikut akan dilampirkan sebagai tambahan kepada polisi insurans asas **Anda** tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan di bawah.

### JADUAL MANFAAT

| No            | Manfaat-manfaat                                                                                                                                   | Jumlah Diinsuranskan                                                                                                                       |                 |
|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------|
|               |                                                                                                                                                   | BEV 365 Care                                                                                                                               | PHEV 365 Care   |
| Kod Endorsmen |                                                                                                                                                   | MBEV001                                                                                                                                    | MPHEV001        |
| 1             | Bantuan Penundaan 24 Jam: Kehabisan Caj                                                                                                           | Tiada had – ke stesen pengecas elektrik terdekat yang berfungsi, atau rumah Anda atau rumah Pemandu Dibenarkan Anda, di mana yang terdekat | Tidak Berkenaan |
| 2             | Kerugian atau Kerosakan pada Pengecas Dinding Rumah<br>- <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>                             | Sehingga RM12,000                                                                                                                          |                 |
| 3             | Liabiliti Peribadi Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah                                                                                         | Sehingga RM50,000                                                                                                                          |                 |
| 4             | Perlindungan Ihsan Untuk Kerosakan Rumah Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah<br>- <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i> | Sehingga RM5,000                                                                                                                           |                 |
| 5             | Perlindungan Ihsan Semasa Menggunakan Stesen Pengecasan Awam<br>- <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>                    | Sehingga RM5,000                                                                                                                           |                 |
| 6             | Kerugian atau Kerosakan Pada Pengecas Elektrik Mudah Alih<br>- <i>terhad kepada satu (1) tuntutan dalam tempoh insurans</i>                       | Sehingga RM2,000                                                                                                                           |                 |

### DEFINISI

- Kerosakan** merujuk kepada kemudaratan yang tidak disengajakan kepada harta benda, mengakibatkan **Kerugian** nilai atau kemerosotan kegunaannya.
- Kerugian** merujuk kepada sebarang penyingkiran, pengurangan harta atau kepunyaan **Anda** yang tidak boleh dipulihkan, tidak dijangka dan tidak berulang.
- Kenderaan Elektrik Berkuasa Bateri (BEV)** merujuk kepada kenderaan elektrik yang menggunakan tenaga elektrik yang disimpan dalam pek bateri yang boleh dicas semula, tanpa enjin pembakaran dalaman.
- Kenderaan Elektrik Hibrid Plug-in (PHEV)** merujuk kepada kenderaan hybrid yang menggabungkan enjin pembakaran dalaman dengan pek bateri yang boleh dicas semula.
- Pengecas Dinding Rumah** merujuk kepada peralatan pengecasan yang dikeluarkan dan dibekalkan oleh pembekal **BEV** atau **PHEV Anda** atau mana-mana pemasang yang dibenarkan yang membekalkan kuasa elektrik untuk mengecas kenderaan elektrik plug-in, yang telah **Anda** pasang dalam alamat kediaman seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** di bawah kawalan sah Orang Yang Diinsuranskan sebagai pemilik, pemegang lesen atau penyewa.
- Pengecas Elektrik Mudah Alih** merujuk kepada peralatan pengecasan kenderaan elektrik mudah alih yang dikeluarkan dan dibekalkan oleh pembekal **BEV** atau **PHEV Anda** atau mana-mana pembekal yang dibenarkan yang membekalkan kuasa elektrik untuk mengecas kenderaan elektrik plug-in.

## MANFAAT-MANFAAT

### Bantuan Penundaan 24 Jam: Kehabisan Caj – *Terpakai untuk Kenderaan Elektrik Berkuasa Bateri (BEV) sahaja*

Sekiranya **BEV Anda** kehabisan caj dan tidak boleh dipandu semasa **Tempoh Insurans, Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** boleh menghubungi nombor bebas tol 24 jam 1300 88 5005 untuk mendapatkan bantuan. **Kami** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** akan menunda **BEV Anda** ke stesen pengecas elektrik yang berfungsi terdekat atau rumah **Anda** atau rumah **Pemandu Dibenarkan Anda**, yang mana paling dekat.

Perkhidmatan ini hanya akan diberikan untuk **BEV Anda** yang dilindungi di bawah **Polisi** ini seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat.

#### Pengecualian

**Kami** atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** tidak akan bertanggungjawab dan tidak dikehendaki untuk menyediakan perkhidmatan di bawah mana-mana keadaan berikut:

1. Perkhidmatan di luar Malaysia dan pulau-pulau di Malaysia (tidak termasuk Pulau Pinang dan Pulau Langkawi);
2. Kos pembaikan atau gantian alat dan komponen di bengkel atau pusat perkhidmatan;
3. Petrol, caj tol, caj penginapan dan telefon melainkan dinyatakan secara khusus;
4. Sebarang saman dan/atau kompaun yang dikenakan daripada mana-mana pihak berkuasa dan bayaran letak kereta (jika ada);
5. Perkhidmatan tunda **BEV Anda** apabila ia sudah berada di garaj atau tempat pembaikan lain;
6. Perkhidmatan tunda akibat kejadian bencana alam atau Malapetaka Semula Jadi seperti gempa bumi, banjir, taufan dan ribut angin. Perkhidmatan tunda akan disediakan sebaik sahaja kejadian tersebut mereda di mana penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh **Kami** dapat menghantar bantuan ke lokasi **BEV Anda**;
7. **BEV Anda** terlibat dalam atau menyertai sebarang bentuk sukan permotoran (termasuk memandu di litar lumba atau bersaing dalam rali jalan atau luar jalan);
8. Kejadian disebabkan oleh mogok, rusuhan atau kekecohan awam di mana **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** menyertai secara sengaja;
9. Sebarang perbuatan haram atau menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** atau semasa menggunakan **BEV Anda** untuk sebarang tujuan yang menyalahi undang-undang;
10. Perkhidmatan menunda kenderaan komersial seperti tetapi tidak terhad kepada lori, trak, gerabak, teksi dan lain-lain. **Kami** berhak untuk tidak menunda kenderaan tersebut;
11. Apabila **BEV Anda** berada di kawasan terpencil atau jalan yang tidak diwartakan sebagai jalan raya contohnya estet, ladang, hutan, tempat letak kereta bawah tanah, tempat letak kereta di atas bumbung dan di permukaan jalan tidak berturap;
12. Jika **BEV Anda** memerlukan peralatan khas dan/atau teknik khusus semasa proses pemulihan atau tunda seperti penggunaan kren, boom, win dan lain-lain;
13. **Kerosakan** terhadap **BEV Anda** akibat bateri kehabisan elektrik;
14. Kos mengecas di stesen pengecas elektrik yang berfungsi di mana **BEV Anda** ditunda ke;
15. Perkhidmatan tunda akibat kemalangan dan/atau kerosakan, selain daripada kehabisan caj **BEV Anda**;
16. Sebarang permintaan tunda disebabkan oleh penarikan balik pengeluaran kenderaan melainkan terdapat kejadian yang dilindungi bawah polisi **Anda**; atau
17. Sebarang kos terbangkit yang dikenakan semasa proses pemulihan atau tunda.

Tertakluk kepada terma dan syarat **Polisi** ini.

## Kerugian atau Kerosakan pada Pengecas Dinding Rumah

**Kami** akan membayar balik perbelanjaan sebenar sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat untuk membaiki atau menggantikan **Pengecas Dinding Rumah** yang telah dipasang untuk **BEV** atau **PHEV Anda** di alamat kediaman **Anda** sendiri seperti yang dinyatakan dalam **Jadual**, akibat **Kerosakan** Tidak Sengaja, Kebakaran, Kecurian (mesti disebabkan oleh kemasukan secara ganas dan paksa), Disambar Kilat, Letupan, Hurikan, Siklon, Taufan, Ribut Angin, Gempa Bumi, Banjir, Pesawat dan peranti udara atau barang yang terjatuh daripadanya, **Kerosakan** akibat impak hentaman oleh kenderaan jalan raya, Pemecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip air semasa **Tempoh Insurans**, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Salinan laporan polis yang diserahkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas **Kejadian** berlaku;
2. Invois / resit pembaikan asal untuk perbelanjaan yang ditanggung; dan
3. Sebarang dokumen tambahan yang **Kami** perlukan mesti diberikan kepada **Kami**.

### Pengecualian

Manfaat ini tidak memberikan perlindungan di bawah mana-mana keadaan berikut:

1. Sebarang **Kerosakan** atau kepincangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, atau akibat daripada kehausan atau kemerosotan biasa, penyalahgunaan, salah guna pakai, kecuaiian, kekurangan atau penggunaan yang tidak wajar, penyelenggaraan, penyimpanan atau pengangkutan;
2. **Kerosakan**/pembaikan yang dilindungi di bawah waranti pengeluar;
3. Kegagalan untuk mengikuti arahan dan amaran yang dinyatakan dalam dokumen yang dibekalkan dengan penyambung atau penyesuai pengeluar **Anda**;
4. Faktor luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada, objek merosakkan penyambung atau penyesuai **Pengecas Dinding Rumah**, **Kerosakan** pendawaian elektrik, kotak simpang, pemutus litar, bekas atau salur keluar kuasa;
5. Penampilan umum atau **Kerosakan** pada cat, termasuk serpihan, calar, kemek dan retak;
6. Sebarang **Kerosakan** atau **Kerugian** yang timbul daripada kerosakan yang dilindungi oleh pengeluar di bawah **Pengecas Dinding Rumah** ini;
7. Sebarang pembaikan, pengubahan atau pengubahsuaian terhadap penyambung atau penyesuai **Pengecas Dinding Rumah** atau mana-mana bahagian, atau pemasangan atau penggunaan mana-mana bahagian atau aksesori, yang dibuat oleh seseorang atau kemudahan yang tidak dibenarkan atau diperakui untuk berbuat demikian;
8. Kekurangan atau pembaikan yang tidak betul termasuk penggunaan aksesori atau bahagian pengeluar yang tidak tulen;
9. Untuk kegunaan komersial;
10. Sebarang tuntutan, langsung atau berbangkit, yang timbul daripada atau terhasil daripada reka bentuk, pembekalan atau pembuatan **Pengecas Dinding Rumah**, yang menyebabkan dan/atau menyumbang kepada **Kerosakan**;
11. Kehilangan misteri **Pengecas Dinding Rumah** tanpa sebarang tanda kemasukan secara ganas dan paksa;
12. Sebarang tuntutan yang perlu dibayar dan/atau dilindungi di bawah mana-mana **Polisi** khusus lain;
13. Sebarang liabiliti yang timbul daripada **Kerugian** atau **Kerosakan** harta benda pihak ketiga dan kecederaan badan yang disebabkan oleh **Pengecas Dinding Rumah**; atau
14. **Kerugian** atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh, atau akibat daripada, mekanikal dalaman atau kegagalan **Pengecas Dinding Rumah** itu sendiri.

Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) **Kejadian** dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula manfaat ini adalah tidak dibenarkan.

Sebarang tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD **Anda** dan tiada **Ekses** akan dikenakan.

Manfaat ini akan dihentikan serta-merta selepas penyelesaian tuntutan.

## Liabiliti Peribadi Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah

Jika sebarang kematian, kecederaan badan atau **Kerosakan** harta benda disebabkan oleh atau akibat daripada penggunaan secara langsung **Pengecas Dinding Rumah** oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** yang telah dipasang di kediaman **Anda** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk mengecas **BEV** atau **PHEV Anda** pada waktu **Kejadian**, **Kami** akan menanggung rugi **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, sekiranya **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** bertanggungjawab secara sah untuk membayar kepada mana-mana pihak ketiga untuk:

1. kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga; dan/atau
2. **Kerosakan** harta benda pihak ketiga,

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Salinan laporan polis yang diserahkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas **Kejadian** berlaku.
2. Had liabiliti **Kami** untuk pampasan yang perlu dibayar kepada mana-mana penuntut atau mana-mana bilangan penuntut berkenaan dengan atau timbul daripada mana-mana satu (1) **Kejadian** termasuk semua kos dan perbelanjaan hendaklah secara agregat semasa **Tempoh Insurans**.
3. Sebarang tuntutan yang dibayar akan dikurangkan daripada jumlah yang telah dibayar untuk baki **Tempoh Insurans**.
4. Manfaat ini akan dihentikan serta-merta setelah keseluruhan pembayaran penuh dibuat.

### Pengecualian

**Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah keadaan berikut:

1. Kematian, kecederaan atau **Kerosakan** akibat pengubahan, pengubahsuaian atau pembaikan yang tidak betul pada **Pengecas Dinding Rumah** atau penyambung atau penyesuaiannya atau mana-mana bahagiannya, atau pemasangan atau penggunaan mana-mana bahagian atau aksesori yang tidak tulen oleh orang atau kemudahan yang tidak diberi kuasa atau diperakui untuk berbuat demikian;
2. Kematian, kecederaan atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda** dengan sengaja;
3. Kematian, kecederaan atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh penyalahgunaan, salah guna pakai, kecuai, kekurangan atau penggunaan **Pengecas Dinding Rumah** yang tidak wajar;
4. Kegagalan untuk mengikuti arahan pengeluar, keperluan penyelenggaraan atau amaran yang dinyatakan dalam dokumen yang dibekalkan dengan **Pengecas Dinding Rumah**;
5. **Kerosakan** harta benda yang dimiliki oleh, berada dalam jagaan, di bawah kawalan, atau pemilikan mana-mana ahli isi rumah **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda**;
6. Kematian atau kecederaan mana-mana ahli isi rumah **Anda** dan/atau **Pemandu Dibenarkan Anda**;
7. Sebarang liabiliti yang timbul daripada penggunaan **Pengecas Dinding Rumah Anda** termasuk sebarang peralatan sampingan seperti kabel dan palam, apabila perkara yang sama tidak disambungkan ke **BEV** atau **PHEV Anda** untuk mengecas apabila liabiliti tersebut timbul;
8. Liabiliti secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau melalui, atau akibat daripada pencemaran;
9. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada data atau perisian;
10. Liabiliti secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada:
  - (a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan;
  - (b) mana-mana tindakan keganasan;
  - (c) penyitaan, pemilikan negara, permintaan rasmi atau pemusnahan atau **Kerosakan** harta benda di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan;
  - (d) sebarang tindakan keganasan oportunistik yang teratur atau tidak terkawal (seperti rompakan, vandalisme, pemusnahan, rompakan, kecurian dll.) yang disebabkan oleh keadaan keseluruhan dan dilakukan oleh orang awam, pegawai atau askar; atau
11. Di mana **Pengecas Dinding Rumah** digunakan untuk tujuan komersial.

Sebarang tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD **Anda** dan tiada **Ekses** akan dikenakan.

## Perlindungan Ihsan Untuk Kerosakan Rumah Disebabkan Oleh Pengecas Dinding Rumah

**Kami** akan membayar balik **Anda** kos pembaikan atau penggantian disebabkan oleh **Kerosakan** dan/atau **Kerugian** harta benda yang dimiliki oleh, berada dalam jagaan, di bawah kawalan, atau pemilikan mana-mana ahli isi rumah **Anda** (termasuk **Anda**) sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, semata-mata disebabkan atau akibat daripada penggunaan secara langsung **Pengecas Dinding Rumah** yang telah dipasang di kediaman **Anda** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual** untuk mengecas **BEV** atau **PHEV** **Anda**.

### Syarat

Salinan laporan polis yang diserahkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas **Kejadian** berlaku.

### Pengecualian

**Kami** tidak akan bertanggungjawab di bawah keadaan berikut:

1. **Kerosakan** dan/atau **Kerugian** yang bukan disebabkan atau akibat daripada **Pengecas Dinding Rumah** secara langsung;
2. Kematian, kecederaan atau **Kerosakan** akibat pengubahan, pengubahsuaian atau pembaikan yang tidak betul pada **Pengecas Dinding Rumah** atau penyambung atau penyesuainya atau mana-mana bahagiannya, atau pemasangan atau penggunaan mana-mana bahagian atau aksesori yang tidak tulen oleh orang atau kemudahan yang tidak diberi kuasa atau diperakui untuk berbuat demikian;
3. Kematian, kecederaan atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh **Anda** dengan sengaja;
4. Kegagalan untuk mengikuti arahan pengeluar, keperluan penyelenggaraan atau amaran yang dinyatakan dalam dokumen yang dibekalkan dengan **Pengecas Dinding Rumah**;
5. Kematian atau kecederaan anggota badan mana-mana pihak;
6. Sebarang liabiliti yang timbul daripada penggunaan **Pengecas Dinding Rumah** **Anda** termasuk sebarang peralatan sampingan seperti kabel dan palam, apabila perkara yang sama tidak disambungkan ke **BEV** atau **PHEV** **Anda** untuk mengecas apabila liabiliti tersebut timbul;
7. **Kerosakan** dan/atau **Kerugian** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau melalui, atau akibat daripada pencemaran;
8. **Kerugian** atau **Kerosakan** pada data atau perisian;
9. **Kerosakan** dan/atau **Kerugian** secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau melalui atau akibat daripada:
  - (a) peperangan, penaklukan, tindakan musuh luar negara, permusuhan atau operasi seakan-akan peperangan;
  - (b) mana-mana tindakan keganasan;
  - (c) penyitaan, pemilikan negara, permintaan rasmi atau pemusnahan atau **Kerosakan** harta benda di bawah perintah mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa awam atau tempatan;
  - (d) sebarang tindakan keganasan oportunistik yang teratur atau tidak terkawal (seperti rompakan, vandalisme, pemusnahan, rompakan, kecurian dll.) yang disebabkan oleh keadaan keseluruhan dan dilakukan oleh orang awam, pegawai atau askar; atau
10. Di mana **Pengecas Dinding Rumah** digunakan untuk tujuan komersial.

Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) **Kejadian** dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula manfaat ini adalah tidak dibenarkan.

Sebarang tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD **Anda** dan tiada **Ekses** akan dikenakan.

Manfaat ini akan dihentikan serta-merta selepas penyelesaian tuntutan.

### Perlindungan Ihsan Semasa Menggunakan Stesen Pengecasan Awam

**Kami** akan membayar balik **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** untuk kos pembaikan dan/atau perbelanjaan perubatan yang dikenakan sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, disebabkan oleh atau akibat daripada penggunaan secara langsung stesen pengecasan kenderaan elektrik awam:

1. **BEV** atau **PHEV Anda** rosak; dan/atau
2. **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** mengalami kecederaan badan

Tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Salinan laporan polis mengenai **Kejadian**, **Kerosakan** dan/atau kecederaan badan;
2. Invois / resit pembaikan asal untuk perbelanjaan yang ditanggung termasuk bil perubatan, gambar **BEV** atau **PHEV Anda** sebelum dan selepas kerja-kerja pembaikan; dan
3. Sebarang dokumen tambahan yang mungkin **Kami** perlukan diserahkan kepada **Kami**.

### Pengecualian

Manfaat ini tidak memberikan perlindungan di bawah mana-mana keadaan berikut:

1. Penggunaan stesen pengecasan kenderaan elektrik awam yang belum diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan;
2. Apa-apa **Kerosakan** harta benda pihak ketiga dan/atau kematian atau kecederaan badan kepada pihak ketiga yang timbul daripada penggunaan stesen pengecasan kenderaan elektrik awam oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda**;
3. **Kerosakan** atau kecederaan badan yang disebabkan oleh sengaja atau timbul daripada kecuaiian berhubung dengan penggunaan stesen pengecasan kenderaan elektrik awam oleh **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda** atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihak **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan Anda**; atau
4. Kegagalan untuk mengikuti manual pengecasan atau arahan pengeluar kenderaan elektrik untuk mengecas, atau penggunaan stesen pengecasan kenderaan elektrik awam yang bertentangan dengan operasi biasa.

Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) **Kejadian** dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula manfaat ini adalah tidak dibenarkan.

Sebarang tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD **Anda** dan tiada **Ekses** akan dikenakan.

Manfaat ini akan dihentikan serta-merta selepas penyelesaian tuntutan.

## Kerugian atau Kerosakan Pada Pengecas Elektrik Mudah Alih

Kami akan membayar balik perbelanjaan sebenar untuk membaiki atau menggantikan **Pengecas Elektrik Mudah Alih BEV** atau **PHEV Anda** sehingga had yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat, akibat **Kerosakan** Tidak Sengaja, Kebakaran, Disambar Kilat dan Kecurian (mesti disebabkan oleh kemasukan secara ganas dan paksa) yang melibatkan **Kereta Anda** semasa **Tempoh Insurans**, tertakluk kepada syarat berikut:

1. Salinan laporan polis yang diserahkan dalam tempoh dua puluh empat (24) jam selepas **Kejadian** berlaku; dan
2. Invois / resit pembaikan asal untuk perbelanjaan yang ditanggung.

**Anda** diperlukan untuk menghubungi pembekal yang dibenarkan oleh pengeluar **Kereta Anda** untuk sebarang pembaikan atau penggantian **Pengecas Elektrik Mudah Alih**.

### Pengecualian

Manfaat ini tidak memberikan perlindungan di bawah mana-mana keadaan berikut:

1. Sebarang **Kerosakan** atau kepincangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, atau akibat daripada kehausan atau kemerosotan biasa, penyalahgunaan, salah guna pakai, kecuai, kekurangan atau penggunaan yang tidak wajar, penyelenggaraan, penyimpanan atau pengangkutan;
2. Sebarang **Kerosakan** atau kepincangan secara langsung atau tidak langsung yang disebabkan oleh, atau akibat daripada letupan, hurikan, siklon, taufan, ribut angin, gempa bumi, banjir, pesawat dan peranti udara atau barang yang terjatuh daripadanya, **Kerosakan** akibat impak hentaman oleh kenderaan jalan raya, pemecahan atau limpahan tangki air, peralatan atau paip air;
3. Sebarang **Kerugian** apabila **Pengecas Elektrik Mudah Alih** dibiarkan tanpa pengawasan atau kegagalan untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk memastikan **Pengecas Elektrik Mudah Alih Anda** selamat;
4. **Kerosakan**/pembaikan yang dilindungi di bawah waranti pengeluar;
5. Kegagalan untuk mengikut arahan dan amaran yang dinyatakan dalam dokumen yang dibekalkan dengan penyambung atau penyesuai pengeluar **Anda**;
6. Faktor luaran, termasuk tetapi tidak terhad kepada, objek merosakkan penyambung atau penyesuai **Pengecas Elektrik Mudah Alih**, **Kerosakan** pendawaian elektrik, kotak simpang, pemutus litar, bekas atau salur keluar kuasa;
7. Penampilan umum atau **Kerosakan** pada cat, termasuk serpihan, calar, kemek dan retak;
8. Sebarang **Kerosakan** atau **Kerugian** yang timbul daripada kerosakan yang dilindungi oleh pengeluar di bawah **Pengecas Elektrik Mudah Alih** ini;
9. Sebarang pembaikan, pengubahan atau pengubahsuaian terhadap penyambung atau penyesuai **Pengecas Elektrik Mudah Alih** atau mana-mana bahagian, atau pemasangan atau penggunaan mana-mana bahagian atau aksesori, yang dibuat oleh seseorang atau kemudahan yang tidak dibenarkan atau diperakui untuk berbuat demikian;
10. Kekurangan atau pembaikan yang tidak betul termasuk penggunaan aksesori atau bahagian pengeluar yang tidak tulen;
11. Untuk kegunaan komersial;
12. Sebarang tuntutan, langsung atau berbangkit, yang timbul daripada atau terhasil daripada reka bentuk, pembekalan atau pembuatan **Pengecas Elektrik Mudah Alih**, yang menyebabkan dan/atau menyumbang kepada **Kerosakan**;
13. Kehilangan misteri **Pengecas Elektrik Mudah Alih** tanpa sebarang tanda kemasukan secara ganas dan paksa ke **Kereta Anda**;
14. Sebarang tuntutan yang perlu dibayar dan/atau dilindungi di bawah mana-mana **Polisi** khusus lain;
15. Sebarang liabiliti yang timbul daripada **Kerugian** atau **Kerosakan** harta benda pihak ketiga dan kecederaan badan yang disebabkan oleh **Pengecas Elektrik Mudah Alih**; atau
16. **Kerugian** atau **Kerosakan** yang disebabkan oleh, atau akibat daripada, mekanikal dalaman atau kegagalan **Pengecas Elektrik Mudah Alih** itu sendiri.

Perlindungan ini adalah terhad kepada satu (1) **Kejadian** dalam setiap **Tempoh Insurans** dan pengembalian semula manfaat ini adalah tidak dibenarkan.

Sebarang tuntutan di bawah manfaat ini tidak akan menjejaskan kelayakan NCD **Anda** dan tiada **Ekses** akan dikenakan.

Manfaat ini akan dihentikan serta-merta selepas penyelesaian tuntutan.